

## TAFSIR INSPIRASI: INSPIRASI DARI KITAB SUCI AL-QURAN KARYA ZAINAL ARIFIN ZAKARIA

<sup>1</sup>Muhammad Amal Fathullah & <sup>2</sup>Muhd Najib bin Abdul Kadir<sup>2</sup>  
Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
Email: amalfathullah1991@yahoo.com & abunaseh@ukm.edu.my

*Abstrak - Kajian ini menjelaskan tentang bagaimana wujud kitab Tafsir Inspirasi: Inspirasi dari Kitab Suci Al-Quran karya Zainal Arifin Zakaria dan menganalisis biografi pengarang. Seterusnya, analisis juga dilakukan kepada kitab Tafsir Inspirasi: Inspirasi Dari Kitab Suci Al-Quran dari sudut pengenalan kitab, metode penulisan dan metode pentafsiran. Hasil kajian ini menemukan bahwa Tafsir Inspirasi ini menggunakan metode penafsiran tafsir ijmal. Adapun bentuk penulisannya bercorak inspirasi atau motivasi, kitab ini pula merupakan salah satu kitab tafsir bahasa Indonesia yang lahir di era moden ini yang lengkap 30 juzuk dan dihasilkan pada awal abad ke-21.*

**Kata kunci:** Tafsir Inspirisasi, Metode Pentafsiran, Indonesia

### I. PENDAHULUAN

Kehadiran Tafsir Inspirasi: Inspirasi dari Kitab Suci al-Quran menambah deretan kitab tafsir ulama Indonesia yang ditulis dalam bahasa Indonesia di era kontemporer saat ini. Sebagai penulisnya, Zainal Arifin Zakaria telah mempersembahkan khazanah yang sangat berharga yang tak ternilai bagi perbendaharaan dan perkembangan tafsir Al-Quran di Indonesia. Oleh karena itu, sangat layak bagi umat Islam untuk mengkaji kitab Tafsir Inspirasi: Inspirasi dari Kitab Suci al-Quran karya Zainal Arifin Zakaria ini. Tafsir Inspirasi ini merupakan tafsir singkat, padat, namun sistematis yang ditujukan kepada orang-orang yang hanya sedikit mempunyai waktu luang untuk mengisi dahaga mendapatkan inspirasi melalui isi kandungan al-Quran. Ia juga dimaksudkan untuk para remaja, yang saat ini cenderung ingin mudah, simple, dan praktis dalam mengerjakan atau memahami segala sesuatunya. Oleh karena itu diterbitkan Tafsir Inspirasi ini sebagai generasi atau versi terbaharu tafsir al-Quran, karya Zainal Arifin Zakaria ini merupakan hasil inspirasi yang disampaikan dalam kajian tafsir one day on ayat di Radio Republik Indonesia Medan sejak Maret 2006 sehingga sampai kitab ini diterbitkan pada tahun 2012. Bahkan hingga kini kajian beliau di Radio Republik Indonesia telah pun menghampiri 5100 episod. Oleh kerana itu penting dan menarik untuk kita bahaskan.

### II. PERNYATAAN MASALAH

Perkembangan tafsir al-Quran pada abad ke-21 masihi, kini semakin deras dan mengalir ke dalam pelbagai bahasa di seluruh dunia seiring dengan perkembangan para ilmuwan muslim yang tersebar di seluruh pelosok dunia. Meskipun terkadang diwarnai dengan sedikit polemik terhadap pentafsirannya mengingat ada beberapa orang yang boleh jadi asal ikut-ikutan mentafsirkan al-Quran yang jelas tafsir al-Quran kini telah merata ke seluruh penjuru dunia dan meliputi semua bahasa (Muhammad Amin Suma 2014). Begitu juga di Indonesia perjuangan menghasilkan kitab-kitab tafsir terus berlaku dan berkembang dengan kelahiran tokoh-tokoh dan kitab-kitab tafsir tempatan dan kontemporari. Salah satu ilmuwan yang telah menghasilkan kitab tafsir kontemporari iaitu Zainal Arifin Zakaria dengan kitabnya Tafsir Inspirasi. Para pengkaji dilihat belum melakukan kajian-kajian ilmiah tentang tokoh tafsir Indonesia ini dan pemikirannya beserta metode pentafsiran yang digunakan ketika mentafsirkan ayat-ayat al-Quran. Islah Gusmian (2015) dalam jurnalnya Tafsir Al-Qur'an di Indonesia: Sejarah dan Dinamika mengatakan ke depan diperlukan kajian tafsir al-Quran, tidak terkecuali di Indonesia, yang mempertimbangkan aspek-aspek kesejarahan dan dimensi lokal, baik dari aspek bahasa dan aksara yang diguna pakai mahupun karakteristik lokal yang menyangganya. Dalam konteks Indonesia, kajian tentang tafsir al-Quran berbahasa dan beraksara lokal nusantara serta dialektika yang terjadi dengan aspek sosial, budaya, dan politik yang terjadi, merupakan isu-isu menarik yang memerlukan sentuhan oleh para pengkaji tafsir al-Quran di Indonesia.

### III. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif secara analisis kandungan. Data-data dikumpulkan menggunakan kaedah analisis dokumen primer dan sekunder menerusi pembacaan buku-buku, kajian ilmiah, jurnal, artikel, dan akhbar. Bahan rujukan utama penulis ialah kitab Tafsir Inspirasi: Inspirasi dari Kitab Suci Al-Quran dan wawancara dengan pengarang kitab. Manakala, data analisis menggunakan metode deskriptif melalui analisis kandungan.

### IV. HASIL KAJIAN

#### A. Biodata Zainal Arifin Zakaria

Nama penuh beliau adalah Zainal Arifin Zakaria. Beliau dilahirkan pada tarikh 1 Oktober 1969 di Medan, Sumatera Utara dalam sebuah keluarga yang beragama. Beliau merupakan anak pertama daripada tiga orang adik-beradik. Ayah beliau bernama Zakaria Yahya dan ibu beliau bernama Nurjannah. Zainal Arifin telah melangsungkan perkahwinan dengan seorang gadis bernama Dahlia. Hasil dari perkahwinan ini beliau dikurniakan empat orang cahaya mata iaitu satu lelaki dan tiga perempuan.

Pendidikan awal diterima Zainal Arifin Zakaria bermula di SD Negeri 060855, Medan pada tahun 1982. Kemudian meneruskan pengajian di Kulliyatul Mu'allimin al-Islamiyah (KMI) Gontor, Jawa Timur dari tahun 1982 sehingga 1988. Setelah itu, beliau meneruskan pengajian di UNIDA Gontor. Disana, beliau hanya satu tahun sahaja kemudian berpindah ke IAIN Sumatera Utara, Medan hanya 6 bulan sahaja di IAIN Sumatera Utara, beliau berjaya mendapatkan biasiswa untuk meneruskan pengajian sarjana muda di Universiti al-Azhar Kairo, Mesir dan tamat di Fakulti Usuluddin pada tahun 1993 (Zainal Arifin Zakaria 2019).

Pada tahun 1994, beliau meneruskan pengajian Sarjana di Universiti Ummu Darman, Sudan selama tiga tahun. Tesis yang beliau tulis dengan tajuk "Filsafat Materealisme Barat dan Pengaruhnya terhadap Pemikiran Indonesia Modern" berjaya mendapatkan predikat imtiyaz dengan dan mendapat kebenaran untuk diterbitkan dalam buku. Kemudian pada tahun 2005, beliau meneruskan pengajian Doktor Falsafah di Universiti Malaya selama empat tahun dan tamat di Jabatan Akademi Pengajian Islam, Fakulti Usuluddin (Zainal Arifin Zakaria 2019).

Zainal Arifin Zakaria banyak melibatkan diri dalam dunia penulisan termasuklah terjemahan kitab. Beliau merupakan ketua penterjemah buku di tim terjemah Safir al-Zafir semenjak tahun 2000 hingga hari ini. Di samping itu beliau juga adalah direktur penerbitan buku Duta Azhar Medan. Antara buku yang telah diterbitkan ialah:

#### A. Karya yang dikarang oleh Zainal Arifin Zakaria

- 1) Buku berhitung kelas 2 Gontor Darussalam 1989.
- 2) Ibadah Haji dan Persatuan Umat Islam 2005, IAIN SU.
- 3) Buku Bimbingan Penyelenggaraan Jenazah 2005, FKG USU.
- 4) Pengantar Ulumul Quran 2007, Duta Azhar.
- 5) Pengantar Ulumul Hadis 2007, Duta Azhar.
- 6) Pesan Maha Kasih dalam Kisah 2008, Pustaka Jiwa.
- 7) Lautan Maha Kasih dalam Kisah 2008, Pustaka Jiwa.
- 8) Pesan Maha Hidup tentang Lingkungan Hidup 2008, Duta Azhar.
- 9) Mendai: Menanam itu Ibadah: Prof. Syamsul Arifin MA 2008, Duta Azhar.
- 10) Rahasia Kekuatan Selawat 2009, Jahabersa.
- 11) Menghayati Pesan Allah dalam Ayat-Ayat Lazim 2009, Jahabersa.
- 12) Mereka berkata tentang Abdullah Syah 2009, Duta Azhar.
- 13) Petuah Dato' H. Syamsul Arifin SE untuk Anak, Cucu, dan Semua Suku 2009, Duta Azhar.
- 14) Ulumul Quran dari sisi lain 2009, Duta Azhar.
- 15) Lebih dekat dengan Bupati Langkat 2010, Duta Azhar.
- 16) Mutiara Melayu dari Langkat: Prof. Dr. Muhammad Hatta 2010, Duta Azhar.
- 17) Dai dan Akademisi: Prof. Dr. H.A Ya'qub Matondang 2011, Duta Azhar.
- 18) Kasih Allah: Melihat Sisi Lain Islam 2010, Duta Azhar.
- 19) Tafsir Inspirasi: Inspirasi Seputar Kitab Suci Al-Qur'an 2012, Duta Azhar

*Manuscript received 13 September 2020, revised 13 September 2020*

*Copyright © 2020 Tazkia University College of Islamic Economic. - All rights reserved*

- 20) Ulama Warasatul Anbiya: Ide dan Gagasan 2015.
- 21) Reformasi Dakwah Medan Indonesia: Prof. Dr. Muhammad Hatta 2015.
- 22) 70 Kesan Kehidupan: Inspirasi Prof. Dr. H.A Ya'qub Matondang 2018.

**b. Karya yang diterjemah oleh Zainal Arifin Zakaria**

- 1) Tafsir Sya'rawi Juz 1 2000, Jabal Rahmat.
- 2) Dialog dengan Iblis 2004, Pustaka Sufi.
- 3) Tafsir Gazali 2004, Islamika.
- 4) Tafsir Sya'rawi Jilid 1-15 2004-2016, Duta Azhar.

**B. Pengenalan Kitab Tafsir Inspirasi: Inspirasi Dari Kitab Suci Al-Quran**

Tafsir Inspirasi: Inspirasi Dari Kitab Suci Al-Quran merupakan salah satu kitab tafsir Indonesia terkini yang sempurna tafsirannya sebanyak 30 juzuk dalam bahasa Indonesia yang dihasilkan oleh ilmuwan Indonesia iaitu Zainal Arifin Zakaria. Kitab tafsir ini telah disemak dan mendapatkan tanda tashih oleh Badan Penelitian dan Pengembangan dan Pendidikan dan Pelatihan Lajnah Pentashihan Mushaf al-Quran, Kementerian Agama Republik Indonesia pada 1 Juni 2018. Penamaan kitab Tafsir Inspirasi juga telah mendapatkan kebenaran dari MUI Provinsi Sumatera Utara kerana nama ini dimaksudkan sebagai suatu tafsir yang mengilhami Muslim untuk hidup penuh semangat dan penuh motivasi. Cetakan pertama kitab ini adalah pada tahun 2012 yang diterbitkan oleh Duta Azhar, Medan. Menurut Zainal Arifin Zakaria (2018), visi dan misi utama beliau mengarang kitab Tafsir Inspirasi: Inspirasi Dari Kitab Suci Al-Quran ini adalah agar dakwah dengan pendekatan al-Quran yang harmoni dan menyejukkan dapat tersebar di tengah masyarakat Indonesia, sehingga terwujudnya umat Islam yang rahmat, hidup bersejahtera dan negara Indonesia makmur, aman dan sentosa. Ada 5 maklumat utama dari kitab tafsir ini berasaskan (al-Quran 2: 185) iaitu: 1) Tidak ada alasan untuk tidak mulia saat bersama al-Quran, 2) Al-Quran sebagai hudan/petunjuk difahami dan diamalkan, 3) Pemahaman al-Quran di dalam kitab ini ditulis dengan semangat muyassar/mudah (al-Quran 54:17), 4) Harapan pengarang bila mendapatkan kebahagiaan buah daripada hidayah al-Quran, maka pujilah Allah s.w.t, 5) Bersyukurlah atas hidayah itu dengan berbagi al-Quran dengan cara berwaqaf dan berbagi ilmu dengan mengajar.

Kitab Tafsir Inspirasi: Inspirasi Dari Kitab Suci Al-Quran ini berkulit keras, berbeza-beza warna dalam setiap edisi cetakan, untuk cetakan keenam berwarna merah gelap dan putih. Pada bahagian kulit hadapan ditulis tajuk kitab dalam bahasa Indonesia dengan tulisan besar "*Tafsir Inspirasi*", nama penulis, kutipan-kutipan inspirasi, dan sumber inspirasi dari terbitnya kitab ini. Seterusnya, pada muka surat pertama terdapat kata sambutan daripada gubernur Sumatera Utara, kemudian Tanda Tashih dari Lajnah Pentashihan Mushaf Al-Quran Indonesia, kata pujian dari pelbagai tokoh ilmuwan Indonesia, dan kata pengantar oleh pengarang kitab ini. Kemudian, pengarang menjelaskan visi dan misi penulisan kitab ini serta menyatakan asas dan harapan dari pengarang untuk kitab tafsir ini. Kitab Tafsir Inspirasi: Inspirasi Dari Kitab Suci Al-Quran ini mempunyai 1 jilid sahaja, mengandungi 1048 muka surat, bermula dari juzuk 1 surah al-Fatihah hingga juzuk 30 surah an-Nas. Sebelum memulakan surah yang pertama, terdapat panduan dan pendahuluan dalam membaca dan memahami metode kitab tafsir ini. Di muka surat terakhir pengarang menambah doa penutup kajian inspirasi. Secara umumnya, kitab Tafsir Inspirasi: Inspirasi Dari Kitab Suci Al-Quran ini menggunakan pendekatan ijmal, iaitu mentafsirkan al-Quran secara singkat dan global. Dengan metode ini, mufassir berupaya menjelaskan makna-makna al-Quran dengan uraian singkat dan bahasa yang mudah sehingga dapat difahami oleh semua orang, mula dari orang yang berpengetahuan luas hingga orang awam. Hal ini dilakukan terhadap ayat dengan ayat dan surah dengan surah sesuai dengan tertib dalam mushaf sehingga tampak keterkaitan antara makna satu ayat dan ayat yang lain, antara satu surah dengan surah yang lain (al-Farmawi 1977).

**C. Metode Penulisan Kitab Tafsir Inspirasi: Inspirasi Dari Kitab Suci Al-Quran**

Setiap penulis mempunyai metode tersendiri bagi memudahkan para pembaca untuk memahami isi kitab yang mereka karang. Mengenal pasti metode diguna pakai dalam penghasilan suatu karya adalah penting bagi memudahkan pembaca berinteraksi dengan karya tersebut. Begitu juga Zainal Arifin dalam kitab Tafsir Inspirasi: Inspirasi Dari Kitab Suci Al-Quran, beliau turut menggunakan metode yang sesuai untuk memudahkan para pembaca memahami setiap isi kandungan yang terdapat dalam kitab tafsir tersebut. Kitab Tafsir Inspirasi: Inspirasi Dari Kitab Suci Al-Quran ini adalah salah satu kitab tafsir yang ditulis pada awal abad ke-21 menggunakan bahasa Indonesia dan sangat mudah difahami dengan baik oleh generasi hari ini dan ditulis menggunakan tulisan rumi. Manakala bagi ayat al-Quran pula pengarang mengambil dari mushaf Madinah yang ditulis oleh Kaligrafer Usman Thaha yang disesuaikan dengan

*Manuscript received 13 September 2020, revised 13 September 2020*

*Copyright © 2020 Tazkia University College of Islamic Economic. - All rights reserved*

mushaf Standar Usmani Indonesia oleh Forum Pelayan al-Quran (FPQ) Jakarta. Adapun untuk terjemahan dalam Bahasa Indonesia diambil daripada terjemahan Kementerian Agama Republik Indonesia tahun 1989. Apabila dibaca panduan daripada seputar kitab Tafsir Inspirasi: Inspirasi Dari Kitab Suci Al-Quran, pengarang menjelaskan inspirasi dari setiap ayat ditulis dengan huruf tebal atau bold, agar fokus pada inspirasi diri yang memotivasi jiwa, pengarang juga menuliskan di antara pesan inspirasi kata dalam bentuk allcaps atau huruf besar. Guna memudahkan kefahaman yang bercabang, pengarang menggunakan nombor dengan kurungan rapat. Manakala penjelasan bercabang itu memasuki ayat selepasnya, maka nombor pada ayat sebelumnya akan berlanjutan kepada ayat selepasnya. Ditemukan banyak cara menggunakan kitab ini, diantaranya ialah: 1) Dibaca dan difahami secara tertib, daripada surah al-Fatihah hingga surah an-Nas, 2) Dibaca dan dikaji berdasarkan pilihan, seperti: kajian nama dibalik surah, kajian setiap awal surah, 3) Dibaca dan dikaji secara rawak, iaitu membuka mana-mana muka surat, maka dengan inayah Allah ayat yang didapati merupakan inspirasi hari ini dan solusi daripada permasalahan yang dihadapi. Sebagaimana disebut "Tafsir Inspirasi", karya ini berkonsentrasi pada penjelasan tentang ayat-ayat al-Quran dari aspek inspirasi dalam kehidupan. Maka dari itu, tafsir ini tidak berfokus membincangkan bahasa, hukum-hukum al-Quran, ataupun aspek keilmiahannya. Hal itu sebagaimana diungkap sendiri oleh penulisnya: Kitab yang ada di tangan pembaca ini adalah Tafsir Inspirasi, yang memfokuskan pada penjelasan, keterangan al-Quran dari aspek motivasi sebagai inspirasi kehidupan. Tafsir ini kurang atau bahkan tidak memfokuskan dari aspek bahasa, dan pendapat seputar Ulama feqah demi tercapai pesan penting dari apa yang diinginkan Allah dalam al-Quran sebagai petunjuk dan pembimbing manusia. Inspirasi ini banyak mengaitkan kebahagiaan berdasarkan iman kepada Allah. Bahkan kata-kata "bahagia" banyak bertaburan dalam tafsir ini, kerana sesungguhnya al-Quran yang diturunkan Allah bertujuan ingin membahagiakan manusia melalui iman dan keyakinan kepada-Nya (Zainal Arifin Zakaria 2012 1: vii).

Apabila diteliti daripada keseluruhan kitab Tafsir Inspirasi: Inspirasi Dari Kitab Suci Al-Quran, penulis melihat bahawa setiap kali memasuki surah baharu, Zainal Arifin Zakaria terlebih dahulu menerangkan pengenalan atau intisari sesuatu surah untuk memudahkan pembaca supaya mendapat gambaran awal berkenaan surah tersebut. Dalam intisari tersebut, dinyatakan surah tersebut sama ada Makiyyah atau Madaniyyah, bilangan ayat yang terkandung dalam surah tersebut di samping menjelaskan juga tajuk inspirasi yang dibincangkan dalam surah tersebut. Seterusnya, dari penjelasan pengarangnya sendiri, tafsir ini merujuk kepada tiga buku tafsir, iaitu 1) Tafsir Sya'rawi karya Syekh Muhammad Mutawalli Sya'rawi, yang kitab tafsirnya pula diterjemahkan oleh Zainal Arifin bersama Tim Safir al-Azhar dalam bahasa Indonesia. 2) Tafsir Muyassar karya Dr. Aidh al-Qarni adalah tafsir ringkas yang diambil oleh pengarang dari aspek gaya penulisannya. 3) Tafsir Yusuf Ali yang diterjemahkan oleh Dr. Ali Audah adalah buku yang sangat menginspirasi pengarang. Dari aspek materi, karya ini mengungkap motivasi-motivasi hidup dari ayat-ayat dalam surah, yang dijelaskan secara sangat singkat.

#### **D. Metoda Pentafsiran Kitab Tafsir Inspirasi: Inspirasi Dari Kitab Suci Al-Quran**

Hasil penelitian terhadap kitab tafsir ini, didapati Zainal Arifin Zakaria mengaplikasikan beberapa metode dalam usaha menjelaskan inspirasi-inspirasi yang ada di ayat-ayat Allah s.w.t melalui kitab tafsirnya. Tafsir bi al-ma'thur merupakan metode yang utama dalam mentafsirkan al-Quran, ia bermaksud pentafsiran ayat-ayat al-Quran dengan al-Quran, ayat al-Quran dengan Hadith dan ayat al-Quran dengan ijihad para sahabat dan tabi'in (al-Sabbagh 1974; Fauzi dan Mutafa 2006). Para pentafsir perlu mentafsirkan al-Quran berdasarkan metode tersebut sebagai asas mentafsirkan al-Quran, dan menggunakan metode lain sebagai metode sokongan. Seperti menggunakan metode tafsir bi al-ra'yi al-mamduh (Mazlan 2008). Apabila merujuk kepada "Metode Tafsir Inspirasi" yang terdapat di pendahuluan kitab Tafsir Inspirasi: Inspirasi Dari Kitab Suci Al-Quran ini ditemukan sembilan hal:

1. Sumber yang digunakan dalam melakukan tafsir adalah al-ma'thur atau berasaskan pada nash dengan tidak melupakan akal atau tafsir bi al-ra'yi al-mamduh. Dengan nash atau teks, terlihat jelas dari keterkaitan dan pemahaman yang berusaha dikutip asli dari penggalan-penggalan ayat yang dinomborkan dan kesimpulan. Sedangkan berasaskan akal terlihat jelas dalam menarik kisah masa lalu untuk dijadikan inspirasi masa kini (Zainal Arifin Zakaria 2012 1: xvii).

Dalam bahagian ini, penulis akan cuba menyingkap sejauh mana pengarang tafsir ini mentafsirkan kitab tafsir mereka dengan metode tafsir bi al-ma'thur. Apabila dilakukan penelitian terhadap metode ini, didapati ada 1000 judul utama yang mengaitkan secara ma'thur 5 sampai 7 ayat dalam sub judul hingga menjadi satu ikatan judul utama. Contoh ayat al-Quran ditafsirkan dengan ayat al-Quran setelahnya yang terdapat di dalam surah Hud ayat 50 sampai dengan ayat 52 iaitu judul utama nya 5 kekuatan tanpa batas: inspirasi kisah Hud:

وَإِلَىٰ عَادٍ أَخَاهُمْ هُودًا قَالَ يَا قَوْمِ أَعْبُدُوا اللَّهَ مَا لَكُمْ مِنِّ إِلَهٍ غَيْرُهُ ۚ إِنِّي أَنزَلْتُ إِلَيْكُمْ يُسُوفَ الْغَمَامِ وَالرِّيحِ يَنْفُخُهَا فِي الْبَارِئِ ۚ وَتِلْكَ آيَاتُ الْكُرْآنِ الَّتِي أَنزَلْنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا يَسُومُونَ الْيَوْمَ نَزْلَ الْوَحْيِ لِيَكُونَ الْكُرْآنُ آيَاتٍ بَيِّنَاتٍ لِّقَوْمٍ يَعْلَمُونَ

Maksudnya:

Kepada kaum 'Ad Kami utus saudara mereka: Hud. Dia berkata: "Wahai kaumku! (1) Sembahlah Allah, tidak ada Tuhan bagimu selain Dia. Selama ini kamu hanyalah mengada-ada. 1. Kekuatan iman, membuat mukmin optimis tidak pesimis, berprestasi dan tidak frustrasi (Zainal Arifin Zakaria 2012 1: 313).

Ketika mentafsirkan ayat ini, Zainal Arifin Zakaria mengatakan tafsir ayat dengan ayat dapat dilihat judul utama mengkaitkan sub judul nombor 1 terkait dengan sub judul nombor 2 hampir diseluruh kitab. Tafsir Inspirasi poin 1 tentang iman terdapat di ayat 50, kemudian mengkaitkan dengan poin 2 tentang guna akal bagi ayat setelahnya iaitu ayat 51 dan 52:

يَقَوْمَ لَا أَسْأَلُكُمْ عَلَيْهِ أَجْرًا إِنِّي أَخْجِرِي إِلَّا عَلَى الَّذِي فَطَرَنِي أَفَلَا تَعْقِلُونَ

Maksudnya:

Wahai kaumku! (2) Aku tidak meminta imbalan kepadamu atas seruanku ini. Imbalanku hanyalah dari Allah yang telah menciptakanku. (3) Tidakkah kamu mengerti? 2. Kekuatan lepas dari ikatan materi. Upah Nabi Dan Dai Itu Dari Allah: Kebahagiaan dunia akhirat. 3. Kekuatan akal jika ditolak tetap bertahan. Yang membedakan manusia dengan makhluk lain adalah akal (Zainal Arifin Zakaria 2012 1: 313).

وَيَقَوْمَ أَسْتَغْفِرُوا رَبَّكُمْ ثُمَّ تُوبُوا إِلَيْهِ يُرْسِلِ السَّمَاءَ عَلَيْكُمْ مِدْرَارًا وَيَزِدْكُمْ قُوَّةً إِلَى قُوَّتِكُمْ وَلَا تَتَوَلَّوْا مُجْرِمِينَ

Maksudnya:

Hud berkata, "Wahai kaumku! (4) Mohonlah ampunan kepada Tuhanmu lalu (5) kembalilah kepada-Nya, niscaya Dia menurunkan hujan yang sangat deras, Dia akan menambahkan kekuatan di atas kekuatanmu, dan janganlah kamu berpaling menjadi orang yang berdosa". 4. Kekuatan ampunan dan saling memaafkan serta tetap hijau dan tumbuh. 5. Kekuatan Kembali kepada Allah dengan tetap memberi, Langit yang menurunkan hujan hidayah, perlindungan dan rahmat (Zainal Arifin Zakaria 2012 1: 313).

Berdasarkan ayat di atas, Zainal Arifin Zakaria memberikan kesimpulan, bahawa inspirasi dari kisah Hud adanya 5 kekuatan tanpa batas, iaitu 1) Iman tanpa kemusyrikan tidak frustrasi, 2 & 3) Lepas dari tekanan keuangan dan kekuatan akal, 4 & 5) Ampunan Tuhan dan Kembali kepada Allah s.w.t. Adapun mentafsirkan dengan metode tafsir bi al-ra'yi dalam kitab Tafsir Inspirasi ini, peneliti mendapati banyak tafsiran-tafsiran al-ra'yi. Al-ra'yi dalam ilmu tafsir ialah sesuatu yang sama dimaksudkan dengan ijtihad dan pengertian Tafsir bi ra'yi al-mamduh ialah mentafsirkan al-Quran dengan ijtihad oleh seorang ahli tafsir, di samping mempunyai kemahiran dalam bahasa Arab iaitu menggunakan akal dengan sungguh-sungguh untuk memahami al-Quran berdasarkan pengetahuan bahasa Arab yang dimiliki oleh setiap mufassir sama ada dari segi pengetahuan, syarat-syarat mufassir, akhlak dan sebagainya (al-dhahabi 1976; Subh al-Salih 1972).

Apabila dilakukan penelitian terhadap kitab tafsir ini, didapati Zainal Arifin Zakaria menggunakan metode tafsir bi ra'yi al-Mamduh pada sebahagian besar ayat-ayat al-Quran. Itu terlihat pada judul dan sub judul, contoh yang didapat dalam surah al-Baqarah ayat 6 dan 7 iaitu 2 tipe kafir menderita: tipe pertama adalah "Walau Kafir Menolak: Tetap Ajak ke Jalan Iman yang Bahagia" yang terdapat di ayat 6:

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا سَوَاءٌ عَلَيْهِمْ ءَأَنْذَرْتَهُمْ أَمْ لَمْ تُنذِرْتَهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ

Maksudnya:

Seungguhnya orang-orang kafir, yang tidak percaya kepada Allah, sama sahaja bagi mereka, Engkau beri peringatan atau tidak Engkau beri peringatan, mereka tidak akan beriman. Walaupun kafir sukar untuk beralih menjadi mukmin, TETAPLAH MEMBERIKAN NASIHAT kepada mereka atas dasar cinta kasih. Boleh jadi mereka ingat dan takut (Zainal Arifin Zakaria 2012 1: 3).

Adapun tipe kedua daripada tipe kafir yang menderita adalah “Jika Menolak Iman Kebahagiaan: Yang Rugi Diri Sendiri.

خَتَمَ اللَّهُ عَلَى قُلُوبِهِمْ وَعَلَى سَمْعِهِمْ وَعَلَى أَبْصَارِهِمْ غِشَاوَةٌ وَلَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ

Maksudnya:

Allah mengunci hati dan pendengaran mereka, penglihatan mereka telah tertutup. Mereka akan mendapat azab yang berat di akhirat. Jangan menjadi manusia yang reaktif (menolak setiap kebaikan) seperti kaum kafir, sehingga nasihat dan pesan kebaikan tidak boleh masuk ke dalam hati mereka. Manusia yang reaktif pasti menderita dan sengsara (Zainal Arifin Zakaria 2012 1: 3).

2. Fokus tafsir ini adalah pada hidayah, dengan menggunakan pendekatan tekstual. Meraih hidayah Allah atau hudan lin nas dan hudan lil muttaqin, menjadi rujukan utama dari semangat penulisan buku ini. Fokus ini diperkaya dengan inspirasi dan motivasi. Semangat tekstual terlihat pada istanthiq al-Quran (berikan al-Quran untuk berbicara) (Zainal Arifin Zakaria 2012 1: xvii).

Menurut Quraish Shihab (1996) "Istanthiq al-Quran" (ajaklah al-Quran berbicara atau biarkan ia menguraikan maksudnya) konon itu merupakan pesan dari Ali ibn Abi Thalib. Pesan ini, antara lain mengharuskan pentafsir untuk merujuk kepada al-Quran dalam rangka memahami kandungannya. Dari sini lahir metode mawdu'i di mana mufassirnya berupaya menghimpun ayat-ayat al-Quran dari pelbagai surah dan yang berkaitan dengan persoalan atau topik yang ditetapkan sebelumnya. Kemudian, mufassir membahas dan menganalisis kandungan ayat-ayat tersebut sehingga menjadi satu kesatuan yang utuh. Untuk mengetahui "Istanthiq Al-Quran" dalam kitab Tafsir Inspirasi ini, pengarang meletakkan pada akhir keterangan setiap ayat dengan mentebalkan kalimatnya, contohnya dalam surah al-Fatihah ayat pertama:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Maksudnya:

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih, Maha Penyayang, muslim memulai segala sesuatu. Dia memohon dan berserah kepada Allah. Memulai apapun dalam bingkai kasih sayang adalah ciri muslim. Manusia bukan hanya hidup untuk bersenang-senang, tapi untuk melakukan pekerjaan penting demi umat manusia. Mulailah dengan nama Allah (Zainal Arifin Zakaria 2012 1: 1).

3. Dalam melihat ayat mutashabihat, kitab tafsir ini menggunakan metode takwil dan tafwith. Jika boleh ditakwil, atau dialihkan pemahaman dari pemahaman awal kepada pemahaman kedua, maka penulis mencoba mentakwilkannya, jika belum dimengerti, pengarang menyerahkan pemahamannya kepada Allah atau tafwidh. Terlebih dalam melihat huruf muqaththaah. (Zainal Arifin Zakaria 2012 1: xvii).

Apabila peneliti melihat kepada contoh-contoh huruf muqaththaah di dalam al-Quran, seperti dalam surah Thaha ayat pertama:

طه

Maksudnya:

Thaahaa. Hanya Allah yang tahu maksudnya. Mengakui kelemahan diri adalah kekuatan. Wahyu Membuat Manusia Bahagia (Zainal Arifin Zakaria 2012 1: 454).

Zainal Arifin Zakaria mengkiaskan pentafsiran huruf muqaththaah dengan “Teori Gelas Kosong dalam menuntut Ilmu”. Begitu juga dengan huruf muqaththaah pada surah al-Baqarah dan al-Imran, Zainal Arifin Zakaria mengatakan bahwa tafsir inspirasinya adalah merasa haus ilmu dihadapan Allah dan keterbatasan ilmu manusia dihadapan wahyu Allah.

4. Dalam melihat ayat muhkam, pengarang tidak terfokus pada orientasi feqah. Tapi melihat nilai universal yang dapat dipetik dari kewajiban solat, puasa, zakat dan haji. Mengutamakan nilai-nilai al-Quran itu jauh lebih penting daripada sekedar implementasi feqah. Walaupun pengamalan feqah tetap wajib dan perlu diamalkan (Zainal Arifin Zakaria 2012 1: xvii). Contoh ayat muhkam di al-Quran dalam surah al-Baqarah ayat 183 dan 184 tentang kewajiban puasa bagi orang yang beriman. Pengarang memberikan judul bagi dua ayat ini dengan “Puasa yang mudah dan penuh nikmat” dengan sub judulnya “Empat alasan bahawa puasa itu mudah dan rahmat”

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

Maksudnya:

Puasa itu mudah karena (1) Wahai orang-orang yang beriman! Diwajibkan atas kamu berpuasa, (2) sebagaimana diwajibkan atas orang sebelum kamu agar kamu bertakwa. PUASA itu mudah, sehat dan membahagiakan, serta menghantar mukmin ke surga dari pintu Rayyan (Zainal Arifin Zakaria 2012 1: 38).

أَيَّامًا مَّعْدُودَاتٍ فَمَن كَانَ مِنكُم مَّرِيضًا أَوْ عَلَى سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِّنْ أَيَّامٍ أُخَرَ وَعَلَى الَّذِينَ يُطِيقُونَهُ فِدْيَةٌ  
طَعَامُ مَسْكِينٍ فَمَن تَطَوَّعَ خَيْرًا فَهُوَ خَيْرٌ لَهُ وَأَن تَصُومُوا خَيْرٌ لَّكُمْ إِن كُنتُمْ تَعْلَمُونَ

Maksudnya:

Iaitu beberapa hari tertentu. (4) ada keringanan: Barangsiapa di antara kamu sakit atau dalam perjalanan lalu tidak berpuasa, maka wajib mengganti sebanyak hari yang dia tidak berpuasa itu pada hari-hari yang lain. Bagi orang yang berat menjalankannya, orang sakit berat, orang yang sangat tua, orang yang hamil atau menyusui, wajib membayar fidyah, iaitu memberi makan seorang miskin. Tetapi barangsiapa dengan kerelaan hati mengerjakan kebaikan, maka itu lebih baik baginya, dan puasamu itu lebih baik bagimu jika kamu mengetahui. Hikmat puasa seharusnya mampu membuat seseorang lebih sering berbagi dan berbuat kebaikan. Puasa itu perisai yang dapat menahan marah dan sifat tercela. puasa itu indah (Zainal Arifin Zakaria 2012 1: 38).

5. Dalam melihat kisah dan sejarah, pengarang tidak menulis Asbab an-Nuzul dan tidak melihat kisah hanya terfokus pada sebab, tapi terfokus pada umum lafath. Kisah yang mendominasi al-Quran (2/3 al-Quran itu kisah) mesti difahami sebagai bingkai “bayyinat minal-huda” keterangan atau penjelasan untuk mencapai petunjuk; dan al-furqan atau mencapai pembezaan yang jelas. Al-Quran itu bukan hanya mengkisahkan kejayaan masa lalu, tapi lebih dari itu bagaimana ia menjadi hidayah yang memberi solusi dan inspirasi, bagi generasi kini dan akan datang (Zainal Arifin Zakaria 2012 1: xvii).

Seperti kisah ashabul kahfi di dalam al-Quran, Zainal Arifin Zakaria mentafsirkan kisah tersebut dengan judul utama “6 The Power of Believe: Kisah Ashabul Kahfi” bermula dari ayat 9 hingga ayat 14 iaitu:

أَمْ حَسِبْتَ أَنَّ أَصْحَابَ الْكَهْفِ وَالرَّقِيمِ كَانُوا مِن ءَايَاتِنَا عَجَبًا ﴿٩﴾  
إِذْ أَوَى الْفِتْيَةُ إِلَى الْكَهْفِ فَقَالُوا رَبَّنَا ءَاتِنَا مِن لَّدُنكَ رَحْمَةً وَهَيِّئْ لَنَا مِنْ أَمْرِنَا رَشَدًا ﴿١٠﴾  
فَضْرَبْنَا عَلَى ءَاذَانِهِم فِي الْكَهْفِ سِنِينَ عَدَدًا ﴿١١﴾  
ثُمَّ بَعَثْنَا لَهُم لِنَعْلَمَ أَيُّ الْحِزْبَيْنِ أَحْصَى لِمَا لَبِثُوا أَمَدًا ﴿١٢﴾

فَنَحْنُ نَقُصُّ عَلَيْكَ نَبَأَهُم بِالْحَقِّ إِنَّهُمْ فِتْيَةٌ آمَنُوا بِرَبِّهِمْ وَزِدْنَاهُمْ هُدًى ﴿١٣﴾  
 وَرَبَطْنَا عَلَى قُلُوبِهِمْ إِذْ قَامُوا فَقَالُوا رَبُّنَا رَبُّ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ لَن نَدْعُوَ مِنْ دُونِهِ إِلهًا لَقَدْ قُلْنَا إِذَا  
 شَطَطًا ﴿١٤﴾

Maksudnya :

9. Atau kamu mengira bahwa orang-orang yang mendiami gua dan (yang mempunyai raqim) itu, mereka Termasuk tanda-tanda kekuasaan Kami yang mengherankan? 10. (Ingatlah) tatkala Para pemuda itu mencari tempat berlindung ke dalam gua, lalu mereka berdoa: "Wahai Tuhan Kami, berikanlah rahmat kepada Kami dari sisi-Mu dan sempurnakanlah bagi Kami petunjuk yang Lurus dalam urusan Kami (ini). 11. Maka Kami tutup telinga mereka beberapa tahun dalam gua itu. 12. Kemudian Kami bangunkan mereka, agar Kami mengetahui manakah di antara kedua golongan itu yang lebih tepat dalam menghitung berapa lama mereka tinggal (dalam gua itu). 13. Kami kisahkan kepadamu (Muhammad) cerita ini dengan benar. Sesungguhnya mereka adalah pemuda-pemuda yang beriman kepada Tuhan mereka, dan Kami tambah pula untuk mereka petunjuk. 14. dan Kami meneguhkan hati mereka di waktu mereka berdiri lalu mereka pun berkata, "Tuhan Kami adalah Tuhan seluruh langit dan bumi; Kami sekali-kali tidak menyeru Tuhan selain Dia, Sesungguhnya Kami kalau demikian telah mengucapkan Perkataan yang Amat jauh dari kebenaran".

6. Untuk mengkaitkan satu ayat dengan ayat yang lain, yang dikenal dengan hubungan atau munasabah antara ayat, pengarang melakukan penomboran agar satu ayat dengan ayat berikutnya saling terkait dan terikat. Penomboran itu diperkuat dengan sub judul. Judul Utama dan Sub judul ini menjadi bagian penting dari Tafsir Inspirasi (Zainal Arifin Zakaria 2012 1: xvii).

Contoh hubungan atau munasabah antara ayat dalam surah an-Nisa ayat 58 dan 59, Zainal Arifin Zakaria memberikan judul utama nya dengan tajuk "4 Dasar Pemerintahan" dua daripadanya terdapat pada ayat 58 dan dua lainnya pada ayat 59:

1. Amanat Dilaksanakan, & Keadilan Ditegakkan

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا  
 يَعِظُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا

Maksudnya: Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya, dan (menyuruh kamu) apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil. Sesungguhnya Allah memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepadamu. Sesungguhnya Allah adalah Maha mendengar lagi Maha melihat.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِن تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى  
 اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا

Maksudnya: Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul (Nya), dan ulil amri di antara kamu. kemudian jika kamu berlainan Pendapat tentang sesuatu, Maka kembalikanlah ia kepada Allah (Al Quran) dan Rasul (sunnahnya), jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian. yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya. (Zainal Arifin Zakaria 2012 1: 116).



## 2. Taat Aturan Allah & Nabi, & Merujuk Kepada Al-Quran & Hadith

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! (3) Taatilah Allah dan taatilah Rasul Muhammad, dan Ulil Amri (pemegang kekuasaan) diantara kamu. (4) Kemudian, jika kamu berbeza pendapat tentang sesuatu, maka kembalilah kepada Allah (al-Quran) dan Rasul (sunnahnya), jika kamu beriman kepada Allah dan hari kemudian. Yang demikian itu lebih utama bagimu dan lebih baik akibatnya. Taat kepada Allah, Rasul dan pemerintah biasa diharapkan agar kehidupan dapat berjalan di atas kebenaran. Manusia harus menghormati dan mematuhi yang demikian (Zainal Arifin Zakaria 2012 1: 116).

- 7 Bentuk aliran pemikiran dari tafsir ini adalah pemikiran washatiyah atau moderat. Dengan cara mengambil yang terbaik dari pelbagai aliran. Ia mengutip yang terbaik daripada Asy'ari dan salafi serta sufi. Pemikiran ini, tidak lepas dari pengalaman pendidikan pengarang yang kuliah di al-Azhar yang Asy'ari, Ummu Darman Sudan yang Salafi, dan suasana Mesir dan Sudan yang masih memiliki semangat Sufi Sunni yang kental (Zainal Arifin Zakaria 2012 1: xviii).

Pemikiran washatiyah merupakan salah satu konsep pemikiran yang penting terdapat dalam Islam kerana ia berkaitan dengan cara dan pembawaan agama dalam kehidupan seseorang dan masyarakat. Oleh kerana konsep wasatiyyah sangat luas dan mencakupi seluruh aspek kehidupan. Apabila pengkaji melihat konsep wasatiyyah dalam kitab Tafsir Inspirasi ini, Zainal Arifin Zakaria mengkedepankan pelbagai aliran terbaik dari akidah Asy'ari, Salafi dan Sufi. Misalnya sunni Asy'ari Sya'rawi berpendapat bahawa yang kafir adalah paman Nabi Ibrahim a.s bukan ayahnya dalam surah al-An'am ayat 74:

وَإِذْ قَالَ إِبْرَاهِيمُ لِأَبِيهِ عَازَرَ اتَّخِذْ أُصْنَامًا ءِالِهَةً إِنِّي أَرَأَيْتَ إِذْ أُرْنَاكَ وَقَوْمَكَ فِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ

Maksudnya:

Ingatlah ketika Ibrahim berkata kepada pamannya Azar, "Pantaskah engkau menjadikan berhala-berhala itu sebagai tuhan? Seseungguhnya aku melihat engkau dan kaummu dalam kesesatan yang nyata" Sya'rawi berpendapat bahawa yang dimaksud dengan abih (ayahnya) ialah "pamannya". Harapan anak terbesar dalam keluarganya adalah Semua Berkumpul Di Dalam Surga (Zainal Arifin Zakaria 2012 1: 185).

8. Corak yang dilakukan dari tafsir ini adalah corak sosial kemasyarakatan. Ini terlihat jelas dari pelbagai bentuk inspirasi yang dikutip dan berujung pada solusi sosial kemasyarakatan. Jika ditelusuri, terlihat bahwa rujukan tafsir ini tidak sahaja terhad dari ulama muslim di dalam buku tafsir, tapi dikutip juga dari para penemu, peneliti dan ilmuwan di bidangnya, walau terkadang berstatus non Muslim. Menurut pengarang, ilmu itu payung umat Islam, di manapun ia berada, mukmin lebih layak untuk menggapainya (Zainal Arifin Zakaria 2012 1: xviii).
9. Tiga buah kitab tafsir yang menjadi rujukan utama bagi Zainal Arifin Zakaria dalam menghasilkan kitab Tafsir Inspirasi ini iaitu kitab Tafsir Sya'rawi, Tafsir Muyassar, dan Tafsir Yusuf Ali (Zainal Arifin Zakaria 2012 1: xviii).

Kitab Tafsir Sya'rawi karya yang ditulis oleh Syeikh Muhammad Mutawalli Sya'rawi. Beliau merupakan keluaran daripada Universiti al-Azhar Kairo Mesir, beliau juga seorang mufassir dan dai Internasional yang populer. Terdapat perzedaan antara kitab Tafsir Sya'rawi dengan buku Tafsir Inspirasi karya Zainal Arifin Zakaria, Tafsir Inspirasi berkonsentrasi pada kesimpulan inspiratif, manakala Tafsir Sya'rawi mengkaji panjang lebar setiap ayat, yang terkadang mengkisahkan masa lalu, dan terkadang mengkisahkan masa kini. Zainal Arifin Zakaria banyak mengutip solusi sosial kemasyarakatan dari kitab Sya'rawi. Kitab Tafsir Muyassar pula merupakan karya yang ditulis oleh Dr. Aidh al-Qarni, tafsir ringkas yang dikutip oleh Zainal Arifin Zakaria dari aspek gaya penulisannya. Adapun kitab Tafsir Yusuf Ali karya Abdullah Yusuf Ali juga menjadi rujukan Zainal Arifin Zakaria dari aspek inpirasi dari kejayaan para nabi menjadi kejayaan umat Islam, masa kini dan masa akan datang.

## V. PENUTUP

Secara kesimpulan, metode penulisan kitab Tafsir Inspirasi: Inspirasi Dari Kitab Suci al-Quran ini menggunakan urutan mushaf Usmani dengan menghuraikan tafsir sesuatu ayat, Zainal Arifin Zakaria mendatangkan inspirasi berserta terjemahan setiap ayat diletakkan terus di bahagian bawah ayat al-Quran. Kitab Tafsir Inspirasi ini berkonsentrasi pada penjelasan tentang ayat-ayat al-Quran dari aspek inspirasi dalam kehidupan. Maka dari itu, tafsir ini tidak berfokus membincangkan bahasa, hukum-hukum al-Quran, mahupun aspek keilmiahannya. Akan tetapi ketika mentafsirkan ayat-ayat al-Quran, pengarang tidak lupa menggunakan metode tafsir bi al-ma'thur dan tafsir bi al-ra'yi al-mamduh. Manakala corak pentafsirannya menggunakan metode ijmal, iaitu mentafsirkan al-Quran secara singkat dan global. Zainal Arifin Zakaria merupakan insan yang cekal dalam menghasilkan kitab-kitab agama sama ada terjemahan mahupun karangan mereka sendiri. Zainal Arifin Zakaria telah berjaya menghasilkan sekurangnya 20 karya tulis dan 4 karya terjemahan.

## Rujukan

1. Al-Quran
2. Al-Dhahabi, Muhammad Husain. 1976. *al-Tafsir wa al-Mufasssirun*. Jil. 1. Qahirah: Maktabah Wahbah.
3. Al-Hayy Al-Farmawy. 1996. *Metode Tafsir Maudu'ī: Suatu Pengantar*, Terj. Sufyan A. Jamrah, Jakarta: PT Raja Grafindo Persada
4. Al-Khalidi, Salah 'Abdul Fatah. 2012. *Ta'rif al-Darisin bi Manahij al-Mufasssirin*, Damascus: Dar al-Qalam
5. Islah Gusmian. 2015. *Tafsir Al-Qur'an Di Indonesia: Sejarah dan Dinamika*, Jurnal Nun, Vol. 1, No. 1.
6. M. Amin Suma. 2014. *Ulumul Qur'an*. Jakarta: Rajawali Pers.
7. Quraish Shihab. 1996. *Wawasan al-Qur'an*, Bandung: Mizan
8. Sofyan Saha. 2015. *Perkembangan Penulisan Tafsir Al-Qur'an di Indonesia Era Reformasi*, Jurnal Lektur Keagamaan, Vol. 13, No. 1
9. Sya'rawi Mutawalli. 2004. *Tafsir Sya'rawi Jilid 1-15* Terj. Zainal Arifin Zakaria, Medan Duta Azhar.
10. Zainal Arifin Zakaria. 2019. *Riwat Hidup DR. H. Zainal Ariifin, MA*. Temu bual, 30 Desember
11. Zainal Arifin Zakaria. 2012. *Tafsir Inspirasi: Inspirasi Dari Kitab Kitab Suci Al-Quran*, Medan: Duta Azhar



